

#ITMESTRO



Oleh **Muhammad Saufi Hassan**
 saufi@mediaprima.com.my

SELAMAT JALAN 'TEKNOLOGI LAMA'

Perisian, pelayar kurang relevan termasuk persaingan dengan produk lain terpaksa 'dikuburkan'

Bagi pengguna yang mungkin berusia 30 tahun ke atas pastinya pernah menggunakan beberapa 'teknologi lama' ini khususnya pelancar Internet Explorer serta BlackBerry Messenger' atau BBM.

Pastinya ramai dalam kalangan pengguna yang masih ingat bertukar nombor pin BBM dengan seseorang atau dengan rakan untuk membolehkan ruang sembang maya BBM digunakan.

Namun, kitaran masa serta kemajuan teknologi pada masa kini mengakibatkan beberapa teknologi berkenaan dihentikan kerana sudah tidak lagi relevan dengan pengguna atau saingan daripada teknologi sama, namun pengeluar atau pembangun yang berbeza.

Terkini, pelancar Internet Explorer secara rasminya sudah dihentikan sokongan keselamatannya, tetapi

pengguna masih boleh menggunakan navigasi berkenaan di ruang siber.

Individu yang berusia lebih 30 tahun pastinya menggunakan pelancar Internet Explorer atau 'IE' ini tatkala di makmal komputer sekolah atau kafe siber.

Selain IE, beberapa teknologi yang sudah ditinggalkan adalah aplikasi Vine, MSN Messenger, Friendster dan beberapa lagi yang akhirnya terpaksa 'dikuburkan' tanpa batu nisan.

Fokus #ITMetro pada minggu ini



MICROSOFT menghentikan sokongan kerentanan sekuriti kepada Internet Explorer selepas ia dilancarkan pada 1995.

menyenaikan beberapa bentuk teknologi yang pernah popular serta digunakan secara meluas oleh pengguna tidak lama dulu.

INTERNET EXPLORER

Pelancar ini mula diperkenalkan pada 1995 dan menjadi pelancar utama di dunia terutama untuk sistem operasi Windows kerana IE didatangkan secara prapemasangan untuk sistem berkenaan.

Ketika itu, semua pengguna yang mahu memasuki ruang siber perlu menggunakan pelancar berkenaan, sekali gus ia menjadi sangat popular.

Kira-kira lima tahun selepas itu, IE menerima tamparan pertama apabila Google memperkenalkan pesaing IE iaitu Chrome.

Walaupun pada peringkat awal, Chrome menjadi subjek jenaka pengguna internet ketika itu kerana dikatakan mempunyai banyak masalah.

Ada dalam kalangan pemerhati yang mengatakan bahawa

hayat Chrome tidak lama, namun selepas beberapa dekad, faktanya ternyata jauh berbeza.

Sejak tahun lalu, Microsoft sudah mengumumkan untuk menghentikan sokongan sekuriti kepada IE memandangkan syarikat itu sudah mempunyai pelancar lain iaitu Microsoft Edge.

Seterusnya, IE sudahpun memasuki fasa

terakhirnya iaitu kekal dalam memori pengguna dan pelancar berkenaan tidak lagi interaktif jika dibandingkan dengan pesaingnya.

MSN MESSENGER

MSN Messenger boleh dikatakan ruang mesej maya paling popular ketika 1990-an hingga 2000 kerana pada ketika itu, ia adalah pelayar mesej maya tunggal.

Ketika zaman



BLACKBERRY antara yang menerima tamparan hebat berhubung peredaran teknologi semasa.

kemuncaknya, terdapat 300 juta pengguna untuk MSN Messenger termasuk keupayaan untuk penghantaran fail, kefungsiannya kamera web serta pemain audio dan klip permainan.

Zaman gelap untuk MSN Messenger ini muncul apabila telefon pintar mula memasuki pasaran dan pengguna lebih memilih kefungsiannya pada peranti pintar berbanding sistem mesej maya berkenaan.

Pada 2013, Microsoft akhirnya mengumumkan tidak akan menyambung perkhidmatan berkenaan.

FRIENDSTER

Seperti yang penulis nyatakan di awal tadi, pengguna berusia 30 tahun ke atas pastinya pernah mewujudkan akaun Friendster bersama skrip pemuka termasuk kefungsiannya lagu tatkala rakan melayari akaun anda.

Sebelum Facebook 'dilahirkan', Friendster adalah laman sosial yang melaksanakan sebahagian ciri Facebook.

Pada zaman kemuncaknya, Friendster

mempunyai pelawat unik melebihi 45 juta pengguna, namun popularitinya menurun sedikit demi sedikit.

Sama seperti mana-mana teknologi yang dilihat ketinggalan zaman, Friendster terpaksa ditutup pada Jun 2015 apabila tidak lagi relevan untuk meneruskan operasinya.

BLACKBERRY MESSENGER

Meminta atau bertukar nombor pin BBM (BlackBerry Messenger) adalah memori yang sukar dilupakan oleh penulis ketika masih menuntut di universiti dan memasuki alam pekerjaan.

Ketika itu, tiada 'WhatsApp Group', namun yang ada hanya BBM dan boleh dikatakan lebih 70 peratus pengguna adalah pemilik BlackBerry.

Pada Mei 2011, pembuat BlackBerry iaitu Research In Motion (RIM) mendakwa mempunyai 43 juta pengguna seluruh dunia, namun ia semakin dilupakan pada 2013 selepas kemunculan Android dan versi iOS di pasaran.

KEMUNCULAN Android dan versi iOS di pasaran menyebabkan BlackBerry semakin dilupakan.

